

KUMPULAN PUISI Mencari Makna Diri BERDASARKAN PRINSIP STILISTIK J.J WEBBER

Rohayati binti Junaidi¹
Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali²
Madiawati binti Mamat @ Mustaffa³
Universiti Malaya

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meneliti keindahan bahasa dalam karya sastera, iaitu Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri karya Awang Sariyan (2012). Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Stilistik oleh J.J Webber yang menggariskan enam prinsip kajian stilistik dan keenam-enam prinsip tersebut akan dijadikan sebagai panduan dalam proses analisis kajian. Kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks merupakan dua kaedah yang diaplikasi dalam kajian ini. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis gaya stilistik yang terdapat dalam karya menggunakan prinsip stilistik J.J Webber (1989). Hasil analisis memperlihatkan keenam-enam prinsip tersebut amat dominan dan signifikan dalam menggambarkan keindahan gaya penciptaan karya sastera serta memperlihatkan elemen bahasa Melayu, masyarakat Melayu Islam dan refleksi diri pengarang yang mewakili khalayak pembaca. Keindahan bahasa ini menyerlah dalam puisi-puisi yang terkandung dalam kumpulan puisi tersebut. Secara kesimpulannya, prinsip stilistik yang dipaparkan dalam Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri dapat menjelaskan perkembangan keindahan bahasa dalam penciptaan karya sastera.

Kata Kunci: *Teori Stilistik, Puisi, Keindahan Bahasa, karya sastera*

1.0 PENGENALAN

Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri sebuah karya hasil garapan penulis Awang Sariyan yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2012. *Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri* merupakan sebuah karya yang memuatkan 55 buah puisi yang sarat dengan elemen bahasa Melayu, masyarakat Melayu Islam dan refleksi diri pengarang terhadap kehidupan yang dijalaninya. Pengarang menggarap karya beliau ini sebagai mencari makna diri dan ungkapan ini sering dijalin dalam bait-bait puisinya dalam kumpulan ini. Puisi-puisi yang tergarap dalam kumpulan puisi ini tercipta hasil kembara pengarang ke negara-negara luar dan juga dalam negara khususnya terhadap apa yang berlaku dan dirasai berdasarkan pemerhatian dan pengalamannya sendiri. Memandangkan proses penciptaan karya oleh pengarang adalah berlandaskan pada paksi sebagai hamba Allah, karyanya dilihat lebih istimewa dan berbentuk Islamik.

¹Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
rohayatijunaidi87@yahoo.com

²Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. In_marlin@yahoo.com

³Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. atie@um.edu.my

Berdasarkan Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri, sebanyak 28 buah sajak daripada 55 buah sajak yang akan dianalisis menggunakan prinsip stilistik J.J Webber iaitu 'kembaraku', 'saat musim dingin akan bertamu', 'maaf hamba bertanya', 'permainan apakah ini', 'wahai teman', 'kalau memang mahu', 'suara yang hilang', 'gema suara', 'wahai diri', 'bicara sang pragmatis', 'penyair', 'selamat datang tamuku', 'jawi warisan leluhur', 'doa kudus untukmu', 'kitab sang pemburu', 'saat pamitan', 'biarkan suara batinmu yang berbicara', 'sutura kasih (1)', 'sutura kasih (2)', 'infak', 'titipan doa', 'mengejar detik', 'tafakur', 'debar gentar', 'kembali fitrah', 'zikrullah', 'menghitung saat yang menghilang', dan 'salam kedamaian dari tanah besar'.

Justeru, kertas kerja ini yang bertajuk 'Analisis *Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri* berdasarkan prinsip stilistik J.J Webber yang bertujuan untuk melihat sejauh mana prinsip stilistik J.J Webber terserap dalam karya ini. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan prinsip kajian stilistik J.J Webber dalam bukunya yang bertajuk *The stylistics Reader* (1989). Oleh itu, keupayaan dan keberkesanan karya ini sebagai sebuah karya yang kaya dengan unsur stilistik sepertimana yang digariskan oleh J.J Webber akan diperlihatkan, dibincang dan dinilai dengan menggunakan prinsip stilistik J.J Webber.

1.1 OBJEKTIF KAJIAN

Beberapa objektif telah ditetapkan dalam menjalankan kajian terbabit

Antara objektif kajian adalah untuk:

- Mengenalpastigaya stilistik yang terdapat dalam karya.
- Menganalisis karya menggunakan prinsip stilistik J.J Webber (1989).

1.2 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini bersifat tekstual dengan menganalisis *Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri* kualitatif. Kajian tekstual ini menggunakan Teori Stilistik yang telah diperkenalkan oleh J.J Webber (1989).

Kajian kepustakaan merupakan kaedah yang sepenuhnya digunakan dalam kajian ini, antaranya dengan meneliti koleksi persidangan, jurnal-jurnal, latihan ilmiah, kajian sarjana dan tesis yang telah dihasilkan sarjana tempatan dan juga sarjana barat. Dalam mendapatkan maklumat untuk kajian, pengkaji telah ke beberapa perpustakaan. Antaranya Perpustakaan Peringatan Zaaba, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia dan Pusat Dokumentasi Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Seterusnya, kajian menggunakan kaedah analisis data atau analisis teks. Sebanyak 28 daripada 55 buah sajak yang terdapat dalam kumpulan puisi ini telah dipilih untuk dikaji. Sajak-sajak yang terpilih dianalisis menggunakan Teori Stilistik yang diasaskan J.J Webber (1989). Dalam teori ini, J.J Webber telah mengemukakan enam prinsip keindahan gaya bahasa dalam penciptaan karya sastera.

1.3 BATASAN KAJIAN

Kajian ini akan berlandaskan buku kumpulan puisi hasil karya Awang Sariyan berjudul 'Mencari Makna Diri'. Namun, kajian hanya akan menganalisis prinsip kajian stilistik dalam 28 sajak terpilih sahaja meskipun buku tersebut mengandungi 55 puisi secara keseluruhan.

Sehubungan itu, proses menganalisis sajak-sajak yang dipilih hanya akan berlandaskan pandangan J.J Webber (1989) yang dipetik daripada bukunya yang berjudul *The Stylistic Reader*. Dalam buku tersebut, J.J Webber mengemukakan enam prinsip kajian stilistik dan keenam-enam prinsip tersebut akan dijadikan sebagai panduan dalam proses analisis kajian.

2.0 ANALISIS KUMPULAN PUISI MENCARI MAKNA DIRI BERDASARKAN PRINSIP STILISTIK J.J WEBBER

2.1 Analisis Prinsip Fonologi

Asmah Haji Omar dalam bukunya Fonologi Bahasa Iban menyatakan fonologi adalah kajian mengenai bunyi bahasa, khususnya bunyi sesuatu bahasa tertentu. Justeru, prinsip fonologi atau penggunaan bunyi ialah melihat taburan penggunaan bunyi seperti meneliti aspek asonasi, aliterasi, rima dan sebagainya. Kekekapan penggunaan bunyi tersebut menimbulkan kesan estetik dan kekuatan. Selain itu, stilistik juga melihat sudut-sudut kelainan atau variasi dalam penggunaannya.

Jadual 1 menjelaskan tentang penggunaan prinsip fonologi dalam tujuh sajak yang dikaji, iaitu 'Wahai Teman', 'Kalau Memang Mahu', 'Tafakur', 'Mengejar Detik', 'Kenangan kepada Ibu pada Ramadan Syahdu', 'Apabila Bila-bila', dan 'Debar Gentar'.

Prinsip Fonologi				
No	Data	Bait	Tajuk Sajak	Nota
1	Wahai teman, usah sekali-kali kau ingkari takdir di loh mahfuz telah terukir kita ini hanya musafir mencari erti diri yang fakir	1	Wahai Teman	Keselarasan rima akhir pada perkataan dalam setiap baris dengan huruf konsonan 'r'
2	Kalau memang mahu dulu kita bisa mengekalkan Tanah Melayu Kalau memang mahu dulu kita bisa beraliran pendidikan yang satu	1 dan 2	Kalau Memang Mahu	Perulangan rima awal pada perkataan 'kalau' dan 'dulu' pada permulaan bait
3	Di sisi pusaramu daku berteleku	1	Tafakur	Pengulangan vokal 'u'
4	Aku sedar akan tangkasnya gerak mu Bak kuda yang dipacu laju Namun kugagahi langkah mengējarmu Agar tidak kecewa termangu .	1	Mengejar detik	rima akhir yang sama sepertimana dalam puisi tradisional

5	Sepimu, sunyimu, rindumu, sayumu, sendumu bertakung di kolam dadaku dekat dan akrab hatiku denganmu	6	Kenangan kepada Ibu pada Ramadan Syahdu	Perulangan rima akhir 'u' dalam setiap akhir baris
6	Apabila bila-bila akal tidak dijaga kita bisa jadi gila.	1	Apabila Bila-bila	Perulangan vokal 'a'
7	Dengan dada penuh debar Dengan rasa penuh gentar Aku tetap sadar Bahawa ia akan beredar	1	Debar Gentar	Baris akhir diakhiri dengan sebutan bunyi konsonan yang sama iaitu 'r'.

Jadual (1): Data Analisis bagi Prinsip Fonologi

Berdasarkan contoh pertama, prinsip fonologi dapat dikenal pasti melalui penggunaan rima akhir oleh penulis. Rima akhir merupakan bunyi yang terdapat pada akhir baris dalam sebuah puisi. Contohnya rima pantun **a-b-a-b** dan rima syair **a-a-a-a** (Kamus Puisi, 2005:92). Dalam contoh pertama, dapat dikenal pasti bahawa rima akhir pada bait yang mengandungi lima baris itu memperlihatkan rima **a-b-b-b-b**. Prinsip fonologi yang paling ketara digunakan oleh penulis ialah pada baris kedua hingga baris kelima, iaitu penulis memperlihatkan rima akhir yang selaras iaitu **b-b-b-b**. Berdasarkan contoh, rima akhir pada akhir perkataan baris tersebut berakhir dengan konsonan 'r'. Hal ini mampu menghasilkan keselarasan bunyi dan sekali gus mampu menghasilkan rima yang menarik apabila dibaca oleh khalayak.

Merujuk kepada contoh yang kedua pula, prinsip fonologi dapat dikenal pasti melalui penggunaan rima awal oleh penulis. Menurut Kamus Puisi (2005:92), rima awal didefinisikan sebagai penggolongan bunyi yang terdapat pada suku kata ataupun perkataan di pangkal setiap baris pertama, kedua dan seterusnya dalam sebuah puisi. Pengulangan ini mungkin wujud pada suku kata ataupun perkataan pertama. Berdasarkan definisi yang diberikan, dapat dikenal pasti bahawa contoh kedua mengandungi unsur rima pertama dengan pengulangan perkataan **kalau** dan **dulu** pada perkataan pertama pada setiap baris. Perulangan rima awal ini mampu menghasilkan sebuah sajak yang menarik kerana ia memperlihatkan unsur penegasan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Berdasarkan contoh kedua ini, dapat difahamkan bahawa pengulangan rima awal pada perkataan **kalau** dan **dulu** seolah-olah merupakan cara penulis untuk menyedarkan khalayak tentang erti pencapaian seandainya 'kita' mempunyai semangat untuk melaksanakannya.

Di samping itu, aspek bunyi ini dapat dilihat dalam kumpulan puisi ini yang banyak menekankan aspek bunyi asonansi iaitu perulangan bunyi vokal. Contohnya dapat dilihat dalam puisi 'Tafakur' dalam rangkap tujuh iaitu pengulangan vokal **u**. Pengulangan vokal **u** dalam puisi tafakur ini bersesuaian dengan mesej yang disampaikan dalam puisi ini yang berkaitan kerinduan seorang anak terhadap ayahnya yang telah kembali ke rahmatullah. Perulangan vokal untuk menimbulkan kemerduan bunyi, kelembutan bunyi

dan keindahan bunyi. Penggunaan banyak vokal **u** memberi impak kepada kesedihan dan kerinduan yang ditanggung oleh penyair terhadap ayahnya melalui kelembutan dan kemerduan yang terjalin melalui perulangan vokal **u**. Ini kerana kerinduan itu hanya boleh diungkapkan dalam doa ketika mengunjungi pusara dengan nada sayu dan merdu yang menggambarkan rasa sedih dan rindu seorang anak. Kerinduan yang dialami oleh penyair adalah kerinduan terhadap orang yang telah kembali ke rahmatullah yang tidak mungkin dapat bertemu lagi kecuali di alam fana.

Selain itu, dapat dilihat dalam keseluruhannya *kumpulan puisi Mencari Makna Diri* menggunakan unsur rima yang sama di akhir ayat. Penggunaan unsur rima iaitu pengulangan bunyi yang sama yang terdapat diawal atau akhir baris banyak digunakan oleh penulis. Ini dapat dilihat dalam puisi 'Menjejar Detik' yang menggunakan rima yang sama diakhir baris iaitu **a,a,a,a**. Keseluruhan puisi Awang Sariyan menekankan penggunaan unsur bunyi yang terdapat sepertimana dalam puisi Melayu lama iaitu gurindam, pantun dan sajak yang kaya dengan unsur rima sekali gus memberi keindahan sesebuah karya. Ini jelas menggambarkan penulis amat mencintai dan menghargai sastera tanah air dan merupakan tanggungjawab beliau untuk mengekalkan kekayaan sastera tanah air supaya tidak dilupakan oleh generasi sekarang dan akan datang. Ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

"...menjadi tanggungjawabnya untuk kembali kepada akar pengucapan puisi Melayu yang kaya dengan bunyi muzikal."

(Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri, 2012: xxiii)

Contoh lain terdapat dalam sajak 'Kenangan kepada Ibu pada Ramadan Syahdu', terdapat perulangan rima akhir **u** pada akhir baris dalam bait yang ke-enam. Perkataan-perkataan **sendumu**, **dadaku** dan **denganmu** pada bait ke-enam ini memaparkan perulangan rima akhir **u**. Penggunaan unsur rima akhir **u** ini akan memberikan kesan bunyi **u** yang sama, iaitu berbentuk **a-a-a** apabila disebut oleh pembaca. Rima akhir **u** ini juga membantu penyajak untuk memberikan irama yang sesuai dan berkesan sehingga mampu menarik perasaan dan ingatan pembaca sajak tersebut. Penggunaan unsur rima akhir **u** ini sekaligus menjelaskan unsur fonologi yang terdapat pada sajak ini.

Selain itu, sajak 'Apabila Bila-bila' pula menunjukkan prinsip fonologi melalui perulangan vokal **ayang** terdapat pada hampir kesemua perkataan dalam bait pertama sajak tersebut. Perulangan vokal **a** ini juga merujuk kepada unsur asonansi, iaitu pengulangan bunyi vokal yang sama pada perkataan yang berturutan dalam baris-baris puisi (Kamus Puisi, 2005:7). Pengulangan vokal **a** ini menimbulkan kesan kehalusan, kelembutan, kemerduan atau keindahan bunyi yang sama apabila disebut oleh pembaca. Contoh perkataan-perkataan yang memberikan penekanan terhadap perulangan vokal **a** adalah seperti **apabila**, **bila-bila**, **akal**, **dijaga**, **kita**, **bisa**, **jadi** dan **gila**. Justeru, perulangan rima akhir **u** dan perulangan vokal **a** dalam kedua-dua sajak yang berbeza ini menepati prinsip fonologi yang dijelaskan oleh Webber (1989).

Selain itu, aspek fonologi ini juga dapat dikenal pasti dalam sajak ‘Debar Gentar’. Kelima–lima rangkap dalam sajak menggunakan diksi yang menghasilkan rima yang sama dalam setiap baris. Hal ini untuk memberikan kesan puitis dan keseragaman kepada sajak yang dihasilkan. Bunyi yang seragam akan menjadikan sajak lebih ringan, mudah dihayati, senang dilantunkan dan menjadi halwa telinga untuk diingati oleh pembaca. Aspek fonologi turut menjadikan sajak yang terbina lebih seimbang, pragmatis dan harmonis. Penulis mengakhiri setiap kata pada setiap baris dengan rima **bar**, **tar**, dan **dar**. Hal ini memberikan kesan fonologi yang sama pada setiap baris.

2.2 Analisis Prinsip Pemilihan Diksi

Pemilihan diksi adalah pemilihan dan penggunaan perkataan yang tepat dan berkesan untuk mengungkapkan idea secara bertulis atau lisan. Hasil dari pemilihan diksi yang tepat akan menentukan keberkesanan sesebuah karya. Selain itu, karya tersebut juga akan meninggalkan kesan kepada pembaca. Terdapat beberapa contoh sajak yang menunjukkan penggunaan diksi atau pemilihan kata-kata atau leksikal yang sesuai oleh penyajak untuk menimbulkan kesan kepada sajak yang dihasilkan.

Jadual 2 memperlihatkan sajak yang mengandungi prinsip pemilihan diksi yang bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maksud dengan lebih berkesan. Penggunaan diksi ini dapat dilihat dalam 8 sajak yang dikaji iaitu ‘Permainan Apakah Ini?’, ‘Salam Kedamaian Dari Tanah Besar China’, ‘Tafakur’, ‘Apabila Bila-bila’, ‘Kenangan Kepada Ibu Pada Ramadan’ dan ‘Bicara Sang Pragmatis’.

Prinsip Pemilihan Diksi				
No	Data	Bait	Tajuk Sajak	Nota
1	Kalau putera raja dahulu kala sesama bersengketa di istana merebut hati raja dan bonda fahamlah hamba akan ceriteranya masing-masing berebut tahta	2	Permainan Apakah Ini?	Pemilihan perkataan ‘merebut’
2	Bermukimlah sudah di teratak kalbu	2	Salam kedamaian dari Tanah Besar	Pemilihan perkataan ‘teratak’
3	Akan terus kubajai dengan doa syahdu	3	Tafakur	Pemilihan perkataan ‘kubajai’
4	Apabila bila-bila rasa merajalela kita bisa gila kuasa.	2	Apabila Bila-bila	Pemilihan kata ‘gila’
5	Sepimu, sunyimu, rindumu, sayumu, sendumu bertakung di kolam dadaku	6	Kenangan kepada Ibu pada Ramadan Syahdu	Pemilihan kata ‘bertakung’
6	Praktis	5 baris 2	Bicara Sang Pragmatis	Pemilihan perkataan ‘praktikal’

7	quo vadis	5 baris 5	Bicara Sang Pragmatis	Pemilihan perkataan 'quo vadis'
---	------------------	-----------------	--------------------------	---------------------------------------

Jadual (2): Data Analisis bagi Prinsip Diksi

Melalui contoh pertama, prinsip pemilihan diksi dapat dikenal pasti melalui pemilihan perkataan **merebut** oleh penulis. Diksi atau juga dikenali sebagai 'pemilihan kata' ditakrifkan sebagai pemilihan serta penyusunan perkataan yang mengutamakan ketepatan, tekanan dan keistimewaan puisi (Kamus Puisi, 2005:74). Dalam contoh sajak tersebut, dapat difahami bahawa penulis ingin memperlihatkan hubungan seorang putera raja dalam **merebut** hati raja dan bondanya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:1300), 'merebut' membawa maksud mengambil sesuatu dengan kekerasan dan 'merebut' juga dikaitkan dengan perbuatan untuk mengambil dan memikat sesuatu. Lazimnya, seorang anak akan mengambil atau menjaga hati kedua orang tuanya untuk memperoleh perhatian. Namun, penggunaan diksi **merebut** oleh penulis memperlihatkan perbuatan yang mengandungi agenda yang tersendiri iaitu hal ini dapat dilihat pada baris terakhir iaitu 'masing-masing berebut takhta'. Berdasarkan baris yang terakhir itu, jelas dapat dilihat bahawa penulis ingin menunjukkan perbuatan seorang putera raja yang cuba memikat hati raja dan bondanya dengan tujuan untuk memiliki tahta. Perbuatan ini tidak menunjukkan sifat kejujuran dan keikhlasan seorang anak dalam menjaga hati orang tuanya. Oleh itu, wajarlah penulis memilih diksi **merebut** untuk menunjukkan kelakuan seorang anak kepada orang tuanya.

Berdasarkan sajak yang ketiga penggunaan perkataan **teratak** dalam sajak 'Salam Kedamaian dari Tanah Besar' membawa pengertian yang mendalam mengenai perhubungan yang telah terjalin antara Malaysia dan China pada suatu waktu dulu. **Teratak** ialah nama lain pondok atau rumah tempat berteduh pada zaman dahulu. Perkataan **teratak** pada zaman sekarang jarang digunakan dan digantikan dengan perkataan pondok atau rumah. **Teratak** dalam puisi ini memberi makna bahawa hubungan yang telah terjalin lama antara Tanah Melayu iaitu zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan China. Penggunaan perkataan **teratak** ini memberi penjelasan bahawa Tanah Melayu dan China telah menjalin perhubungan sejak dahulu dan perhubungan ini diharap dapat berkekalan.

Selain itu, ditambah lagi dalam baris terakhir terdapat penggunaan perkataan **sukma**. Perkataan **sukma** digunakan berbanding perkataan hati yang membawa maksud yang sama. Ini menunjukkan perkataan sukma yang lebih lembut dan mendalam maksudnya. Ini bertitik-tolak juga dengan perhubungan yang terjalin antara Tanah Melayu dengan China yang memerlukan kedua-dua pihak supaya tidak membangkitkan sesuatu yang boleh mengocok kedamaian dan menghiris perasaan kedua-dua pihak.

Berdasarkan puisi yang bertajuk 'Tafakur', penggunaan diksi **kubajai** bertepatan dengan maksud yang cuba disampaikan oleh puisi. Ini dapat dilihat dalam maksud puisi ini adalah mengenai kerinduan penyair terhadap ayahnya yang telah kembali ke rahmatullah. Hubungan antara ayah dengan anak hanya terputus jasad tetapi dari segi rohani hubungan tersebut masih terjalin. Oleh itu, sebagai seorang anak yang kasih dan rindu kepada ayahnya hanya doa yang akan menjadi penghubung hubungan yang terpisah

jasad. Ini dapat dilihat dalam Islam bahawa anak yang baik adalah anak yang sentiasa mendoakan kedua-dua orang tuanya. Tambahan pula harta yang paling berharga yang tinggal setelah kita kembali ke rahmatullah ialah anak yang soleh dan solehah yang akan mendoakan kesejahteraan kita di alam akhirat.

Sebagai contoh, dalam sajak ‘Apabila Bila-bila’, terdapat pemilihan frasa **gila kuasa** pada bait yang kedua. Penggunaan frasa **gila kuasa** ini merujuk kepada darjah keinginan yang sangat untuk mendapatkan kuasa atau pengaruh (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Selain daripada pemilihan frasa **gila kuasa** yang dianggap tepat kerana faktor rima akhir yang sama, iaitu a-a-a (bila-bila, merajalela dan gila kuasa), pemilihan frasa tersebut juga mampu memberikan kesan terhadap pembaca disebabkan oleh penggunaan leksikal “gila” yang menegaskan tentang betapa tinggi keinginan seseorang itu untuk mendapatkan kuasa atau pengaruh. Penggunaan leksikal “gila” ini juga menjelaskan tentang kemampuan penyajak untuk membezakan secara tepat makna dari yang ingin disampaikan, dan kemampuan untuk mengenal pasti bentuk yang sesuai dengan situasi dan nilai rasa yang dimiliki oleh khalayak pendengar (Khairuddin Mohamed, Maridah Alias dan Faiziah Hj. Shamsudin, 2012:109-110)

Selain itu, pemilihan kata **bertakung** pada bait keenam dalam sajak ‘Kenangan kepada Ibu pada Ramadan Syahdu’ turut memperlihatkan kemampuan penyajak untuk menyatakan perasaannya tentang betapa sepi, sunyi, rindu, sayu dan sendu dirinya pada waktu sajak itu dihasilkan. Secara literal perkataan **bertakung** membawa maksud tidak mengalir, tergenang atau tersekat (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Namun demikian, pemilihan perkataan **bertakung** tersebut jelas menggambarkan tentang darjah kesepian, kesunyian, kerinduan, kesayuan dan kesenduan yang dialami oleh penyajak terhadap ibunya lebih-lebih lagi sajak tersebut dihasilkan di Beijing, iaitu berbatu jauh dari Malaysia. Justeru, pemilihan perkataan yang sesuai dan tepat ini akan menghasilkan bait-bait puisi yang bukan sahaja puitis dan menarik malah dapat memberikan kesan terhadap pembaca.

Sebagai contoh, dalam sajak ‘Bicara Sang Pragmatis’ banyak diksi “moden” dalam bahasa Inggeris yang dimelayukan digunakan. Penggunaan bahasa Inggeris yang sudah mapan dalam bahasa Melayu adalah untuk memberikan suasana moden, kuasa, padat dan korporat kepada sajak. Sajak berkenaan adalah mengenai kata-kata seorang ahli politik atau seorang pemimpin moden yang kononnya tidak memerlukan Tuhan dan agama dalam memperoleh kehidupan yang baik di dunia. Yang difikirkan oleh pemimpin tersebut hanya berkenaan materialisma, hedonisma, dan kehidupan yang menggembirakan dan menolak hidup sejahtera dengan norma masyarakat yang harmoni dan adil. Kesannya, banyak diksi atau aksara moden yang digunakan. Antaranya ialah **pragmatis** atau “pragmatic”. Pragmatik atau praktikal bermaksud mempunyai sifat atau pendirian yang lebih mementingkan atau mengutamakan kesan-kesan sebenar daripada ciri-ciri teori dan sebagainya. Hal ini disokong dengan makna praktikal iaitu banyak memperhitungkan keadaan dan akibat yang sebenarnya yang wujud atau yang akan ditimbulkan.

Konteks **pragmatic** atau praktikal dalam sajak ini menyatakan maksud melakukan apa sahaja untuk mencapai apa yang dimahukan tanpa menghiraukan kesan sampingan lain yang bersifat abstrak dan tidak dapat diukur seperti perasaan serta emosi. Pemimpin

melakukan pemodenan dan pembangunan berbentuk moden hanya pada zahirnya tetapi masyarakat tetap gersang dengan nilai dan amalan mulia. Contoh perkataan lain ialah perdana, kuasa, mercu, praktis, **quo vadis**, idealis medan rasuah. Sajak ini adalah berbeza berbanding sajak-sajak lain kerana pemilihan diksi yang digunakan adalah berbeza. Kebanyakan sajak lain menggunakan pilihan perkataan yang mudah dan Islamik.

Quo Vadis merupakan perkataan latin yang bermaksud “ke manakah engkau pergi” ? Dalam bahasa Indonesia, perkataan ini sudah mantap dalam perkamusan mereka. Antara judul buku yang terkenal menggunakan perkataan tersebut ialah ‘Quo Vadis NU Setelah Kembali ke Khittan 1926 oleh Kacung Marijan. Quo Vadis juga merupakan istilah keagamaan dalam tradisi gereja Kristian yang merujuk kepada persoalan kehidupan kepada Yesus. Pemilihan diksi tersebut secara jelas menunjukkan unsur kebaratan, dan kesesatan para ahli ibadat kitab menerusi Injil yang telah diselewengkan. Sang pragmatis digambarkan sebagai manusia yang mahu bebas daripada urusan dengan Tuhan, dan akhirnya mereka terpedaya dan sesat dengan dunia.

2.3 Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis

Prinsip ini adalah melihat susunan ayat dari sudut panjang dan pendeknya. Oleh itu, pembinaan panjang dan pendek ayat harus sesuai dengan suasana dan kondisi peristiwa. Berdasarkan prinsip ini penekanan lebih kepada aspek deviasi yang dilakukan untuk menimbulkan gaya yang berkesan. Penggunaan prinsip pembentukan ayat atau struktur sintaksis digunakan oleh penyajak dalam puisi untuk menimbulkan kesan stilistik terhadap puisinya.

Jadual 3 di bawah memperlihatkan sajak-sajak yang mengandungi prinsip penilaian pembentukan ayat atau struktur analisis. Sajak yang dikaji ialah ‘Gema Suara’, ‘Maaf Hamba bertanya’, ‘Titipan Doa’, ‘Sutera Kasih (1)’, ‘Berpada-padalalah’, ‘Apabila Bila-bila’ dan ‘Debar gentar’.

Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis				
No	Data	Bait	Tajuk Sajak	Nota
1	Usahlah tuan hamba mengira kami akan berhenti daripada berkata-kata kerana kami mewakili suara hati rakyat jelata suara kesinambungan perjuangan orang merdeka	1	Gema Suara	Kata hubung keterangan musabab ‘kerana’ hadir di hadapan ayat
2	Maaf hamba bertanya: Masihkah tuan hamba percaya?	1	Maaf Hamba Bertanya	Penyusunan sesebuah ayat yang pendek

3	Mesra santunnya Qurbajan Jan sekeluarga Qurbajan Jan sekeluarga mesra santunnya	4	Titipan doa	Pembentukan ayat tidak mengikut subjek+predikat dan pengguguran perkataan 'dan'
4	oleh maharaja dan oleh Sultan	2	Sutera Kasih (1)	Memberi kesan irama dan penekanan
5	tetaplah tiada upaya tuan hamba menghindari yang lampung kerana di sana akan digantikan dengan yang tidak terhitung.	7	Berpada-padalah	Penggunaan struktur ayat yang panjang
6	Apabila bila-bila usia sia-sia kita bias hilang redha	4	Apabila Bila-bila	Penggunaan struktur ayat yang pendek
7	Debar Gentar	1	Debar Gentar	Dua perkataan dari golongan kata yang sama digunakan untuk memantapkan makna

Jadual (3) : Data Analisis bagi Prinsip Pembentukan Ayat

Prinsip penilaian pembentukan ayat atau struktur analisis dalam contoh pertama dapat dikenal pasti pada bait pertama, baris yang ketiga. Baris ketiga dalam bait tersebut memperlihatkan jenis ayat keterangan musabab melalui kehadiran kata hubung **kerana** yang hadir di hadapan ayat. Menurut Nik Safiah Karim et. al. dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008:515), ayat keterangan berfungsi sebagai memberikan huraian lanjut kepada kata kerja ayat induk. Berdasarkan pandangan tersebut, dapat difahami bahawa kata hubung lazimnya akan hadir selepas penggunaan kata kerja. Namun, berdasarkan contoh pertama, kata hubung **kerana** hadir di hadapan sesebuah ayat dan hal ini jelas telah melanggar peraturan tatabahasa. Sungguhpun begitu, prinsip ini merupakan prinsip yang memberi penekanan kepada aspek deviasi untuk menimbulkan gaya yang berkesan. Kehadiran kata hubung **kerana** di hadapan ayat jelas memperlihatkan unsur pendevasian dengan tujuan untuk menyampaikan maksud sajak dengan lebih berkesan. Tujuan pendevasian tersebut juga boleh dilihat sebagai sesuatu unsur penekanan terhadap maksud yang ingin disampaikan. Maksud bagi baris ketiga tersebut dapat dilihat dalam baris yang seterusnya iaitu *suara kesinambungan perjuangan orang merdeka*.

Merujuk kepada contoh yang kedua pula, prinsip ketiga ini boleh dilihat melalui baris pertama dalam bait pertama yang diciptakan melalui struktur ayat yang pendek. Menerusi fungsi prinsip yang ketiga ini, prinsip penilaian pembentukan ayat atau struktur analisis bertujuan ini bertujuan untuk memberikan kesan atau impak kepada khalayak melalui

pendeviasian ayat, dan juga melalui kepanjangan dan kependekan ayat yang dihasilkan. Berdasarkan contoh ayat yang berbunyi, **Maaf hamba bertanya**, meskipun ayat tersebut merupakan sebuah pembentukan ayat yang pendek, ia memberikan sebuah maksud yang tersirat. Hal ini dapat dilihat melalui baris yang seterusnya yang hadir sebagai sebuah ayat tanya. Melalui baris yang kedua itu, dapat difahami bahawa ayat **Maaf hamba bertanya** merupakan salah satu unsur kesantunan dan kelembutan yang cuba disampaikan oleh penulis sebelum menyuarakan suatu pernyataan. Hal ini secara tidak langsung mampu menghasilkan sebuah karya yang lebih berkesan dan disenangi apabila dibaca oleh khalayak.

Selain itu, dalam kumpulan puisi ini terdapat pembentukan ayat yang tidak mengikut susunan subjek + predikat. Ini dapat dilihat dalam puisi 'Titipan doa'. Contohnya dalam rangkap 4 bait 2 **mesra santunnya Qurbajan Jan sekeluarga**. Jika mengikut pembentukan ayat yang betul adalah Qurbajan Jan sekeluarga mesra santunnya. Berdasarkan ayat ini juga telah digugurkan penggunaan **dan** yang sepatutnya digunakan diantara perkataan 'mesra santunnya'. Namun dalam pembinaan puisi terdapat kelonggaran atau *licentia poetica* yang menjadikan penggunaan kata hubung seperti **dan** tidak diperlukan. Selain itu, penguguran penggunaan kata hubung ini kerana untuk menghadkan panjang baris puisi.

Di samping itu, dalam sajak 'Sutera Kasih (1)', dalam rangkap 2 bait 4 penggunaan perkataan **oleh** di awal ayat dan di tengah ayat. Perkataan **oleh** digunakan dua kali dalam satu baris menjadikan binaan ayat berirama dan memberi impak yang lebih kepada maksud yang ingin disampaikan oleh penyair melalui sajak ini. Ini dapat dilihat apabila penggunaan **oleh** pada mulanya untuk maharaja dan kemudian sultan. Ini bertepatan situasi pada zaman dahulu kerajaan Melayu mempunyai hubungan yang rapat dengan kerajaan China. Pemerintah tertinggi di negeri China menggunakan gelaran Maharajamanakala di negeri Melayu menggunakan gelaran Sultan. Oleh itu, maksud puisi ini adalah penyair menjadi orang perantara antara Maharaja dan Sultan.

Merujuk kepada sajak 'Berpada-padalah' pada bait ke-tujuh, terdapat penggunaan struktur ayat yang panjang. Sebanyak lapan patah perkataan dalam ayat **tetaplah tiada upaya tuan hamba menghindari yang lampung** manakala dalam ayat **kerana di sana akan digantikan dengan yang tidak terhitung** pula terdapat sembilan patah perkataan. Kedua-dua baris ayat ini menjelaskan tentang kehadiran struktur ayat-ayat yang panjang dalam puisi yang dihasilkan oleh penyajak. Penggunaan struktur ayat yang panjang seperti ini sekali gus memperlihatkan gaya penulisan Awang Sariyan yang berani menghasilkan baris-baris ayat dalam bait sajak yang berstruktur panjang.

Namun demikian, hal ini berbeza daripada baris yang terdapat pada sajak 'Apabila Bila-bila'. Ayat pada baris **Apabila bila-bila danusia sia-sia**, memperlihatkan penggunaan struktur ayat yang pendek, iaitu sebanyak dua patah perkataan sahaja dalam baris tersebut. Lantaran itu, ayat yang digunakan sama ada ayat panjang atau pendek ini merupakan unsur gaya sajak yang diolah oleh Awang Sariyan sehingga mampu menarik minat pembaca untuk membaca sajak tersebut walaupun secara berulang-ulang. Bentuk struktur ayat yang panjang dan pendek ini juga menunjukkan kemampuan penulis untuk mempunyai

pembentukan ayat yang bervariasi. Hal ini turut dinyatakan oleh Wan Akmal Wan Semara (2005:1) bahawa bahasa dalam sastra bukan sahaja mengutamakan kefahaman dan ketepatan pemilihan kata-kata, tetapi juga memperluas kehalusan, kesempurnaan dan kemuliaan pembentukan (ayat) serta penyusunannya. Gabungan unsur ini menimbulkan keindahan bahasa dan seterusnya mampu menimbulkan kesan yang diharapkan.

Aspek ini dapat dilihat pada kebanyakan sajak Awang Sariyan. Antara sajak yang dominan mengaplikasi unsur sintaksis ini ialah sajak 'Debar Gentar'. Sajak ini membawakan tema taqwa akan Ilahi. Penulis menggambarkan bahawa manusia yang beriman akan selalu mengingati hari pembalasan dan senantiasa memperbaiki diri mereka dengan ibadat. Sekalipun seseorang itu banyak melakukan ibadat, namun ketakutan menemui Tuhan tetap terasa. Penulis pada akhir rangkap mendoakan agar rasa gentar menemui Tuhan akan memberikan nikmat kemanisan iman kepadanya dan semoga berada di dalam naungan rahmatnya.

Gentar membawa maksud keadaan gelisah, takut atau cemas. Gentar juga merujuk kepada gerakan berulang-ulang atau suara yang terputus-putus. Manakala **debar** merupakan sinonim bagi gentar. Lebih terang, debar membawa maksud denyut jantung yang berdebar-debar dalam gerakan yang pantas akibat terperanjat atau ketakutan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Penulis menggunakan kata **gentar** dan **debar** untuk memberikan satu kesan emosi takut, sedih dan tunduk kepada Pencipta. Sesuai dengan emosi dibawa, sajak yang dibina adalah secara pendek, meminimalkan penggunaan perkataan dan padat. Sajak yang pendek dapat membawa kesan emosi tegas, takut dan berfokus. Orang yang fokus tidak akan berkata-kata dengan ungkapan yang banyak, sebaliknya berupaya mengungkapkan sesuatu yang panjang dengan kata-kata yang sedikit. Secara estetikanya, ia merupakan perlambangan akan sikap manusia iaitu kewajaran untuk bertindak lebih banyak daripada berkata-kata. Hal ini merujuk kepada ibadat yang menjadi bekal umat Islam untuk bertemu Tuhan kelak.

2.4 Analisis Prinsip Kajian Terhadap Makna atau Semantik

Kajian makna atau semantik ini bermaksud penggunaan bahasa bermula dari taburan bunyi, pemilihan perkataan dan penyusunan ayat yang bertujuan untuk mendapatkan makna. Penggunaan bahasa harus diselaraskan sesuai dengan teknik dan tema karya. Prinsip ini mengemukakan unsur-unsur ambiguiti dan ketaksaan yang digunakan oleh penulis untuk menghasilkan sebuah puisi yang menarik serta berkesan terhadap pembaca di samping melihat aspek deviasi dalam makna.

Jadual 4 menunjukkan penggunaan semantik dalam lapan sajak yang dikaji, iaitu 'Kemaraku', 'Gema Suara', 'Titipan Doa', 'Sutera Kasih (2)', 'Teruskan Bicara', 'Aduhai Desaku', 'Kembali Fitrah' dan 'Wahai Diri'.

Prinsip Kajian Terhadap Makna atau Semantik				
No	Data	Bait	Tajuk Sajak	Nota
1	Kembaraku jalan seribu liku daripada jiwa yang Kau ciptakan ke dalam jasad roh Kau tiupkan	1	Kembaraku	Penggunaan frasa 'seribu liku'
2	Usahlah tuan hamba mengira kami akan berhenti daripada berkata-kata kerana bahasa warisan pusaka kian ternoda oleh angkara gembala bangsa yang sering alpa	2	Gema Suara	Penggunaan frasa 'gembala bangsa'
3	Angin lembut bertukar keras	5	Titipan Doa	Penggunaan frasa 'angin lembut bertukar keras'
4	menjadi tali penghubung	4	Sutera kasih (2)	Penggunaan frasa 'tali penghubung'
5	anak-anak dihantar mengaji menggali yang fardu bertalaqi dan beramali bersama guru	2	Aduhai Desaku	Unsur makna kiasan dan tersirat dalam frasa
6	Teruskan bicaramu dengan segala isi alam berkongsi tasbih siang dan malam kepada perencana yang qidam	3	Teruskan Bicaramu	Makna yang ambiguiti dalam frasa.
7	Semoga Ramadan yang mencanai perisai Akan terus membentengi diri dan menjadi " rantai " Untuk diri patuh tunduk memenuhi ikrar	3	Kembali fitrah	Penggunaan perkataan 'rantai'
8	Diberi-Nya dikau tuntutan dan pedoman Dengan al-Furqan .	2	Wahai Diri	Penggunaan perkataan 'al-Furqan'

Jadual (4): Data Analisis bagi Prinsip Makna

Prinsip kajian terhadap makna atau semantik dalam contoh pertama dapat dilihat melalui penggunaan frasa **seribu liku**. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005:xx), 'liku' ditakrifkan sebagai selekoh pada jalan atau tempat yang terpencil. Melalui penggunaan perkataan tersebut, penulis cuba untuk menggambarkan suasana keadaan yang bermasalah yang dikaitkan dengan sebuah jalan yang berselekoh. Tambahan lagi, melalui kehadiran perkataan **seribu**, penulis cuba untuk menambahkan lagi situasi yang rumit yang harus dilalui oleh watak dalam sajak Kembara tersebut. Secara kesimpulan, penggunaan frasa **seribu liku** yang digunakan oleh penulis bertujuan untuk menggambar sebuah situasi yang

penyempitan dengan masalah dan cabaran dan hal ini boleh dikaitkan dengan makna yang tersirat di samping penggunaan frasa **seribu liku** itu.

Merujuk kepada contoh yang kedua pula, penulis turut penggunaan frasa untuk memperlihatkan penggunaan prinsip kajian terhadap makna atau semantik. Dalam sajak 'Gema Suara' pada bait kedua, penulis menggunakan frasa **gembala bangsa** untuk menyampaikan maksud yang menggambarkan sekumpulan manusia. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005:xx), 'gembala' merujuk kepada seseorang yang menjaga atau memelihara binatang ternakan. Berdasarkan takrifan yang diberikan, dapat difahami bahawa penulis cuba menggambarkan seorang **gembala bangsa** sebagai seorang penjaga bangsa yang sebenarnya dirujuk sebagai seorang pemimpin yang alpa dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Melalui penggunaan perkataan 'gembala', jelas penulis cuba untuk menyindir para pemimpin akibat sikap mereka yang lewa dengan mengaitkan mereka sebagai seorang yang menjaga ternakan.

Berdasarkan sajak 'Titipan Doa' terdapat penggunaan ayat yang memberi makna semantik. Ini dapat dilihat dalam penggunaan perkataan **angin lembut bertukar keras**. Jika dilihat makna angin adalah berkaitan cuaca yang memberi kesejukan kepada manusia apabila bertiup. Namun apabila bertukar kencang angin akan menyebabkan benda yang kena tiupan angin akan berterbangan dan mengakibatkan kemalangan berlaku. Namun dalam puisi ini angin bukan bermaksud keadaan cuaca yang bertiup. Angin dalam puisi ini bermaksud musibah atau berita yang buruk berlaku di negeri China.

Puisi yang seterusnya dapat dilihat dalam kajian makna semantik dalam Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri ini ialah sajak 'Sutera Kasih (2)'. Ini dapat dilihat dalam rangkap 4 bait 5, penggunaan perkataan **tali penghubung**. Jika dilihat dalam makna selapis tali merupakan sejenis bahan yang digunakan untuk mengikat sesuatu. Dengan menggunakan tali menjadikan barang yang disimpan dalam plastik tidak tumpah. Namun dalam puisi ini **tali** membawa maksud barang yang digunakan sebagai penghubung sesuatu ikatan atau perhubungan. Ini bersesuaian dengan puisi ini yang menjelaskan bahawa bahasa Melayu merupakan tali penghubung antara masyarakat terutamanya masyarakat di negara China.

Merujuk kepada sajak 'Aduhai Desaku!' pada bait kedua, terdapat penggunaan frasa **menggali yang fardu**. Frasa ini mempunyai makna yang tersirat, iaitu merujuk kepada gaya penulis untuk menggambarkan situasi mendalami ilmu agama oleh anak-anak di desa yang belajar tentang ilmu agama pada suatu ketika dahulu. Penggunaan frasa **menggali yang fardu** yang mempunyai makna yang tersirat ini juga dapat digambarkan melalui unsur leksikal **menggali** yang secara kiasannya bermaksud menyelidiki atau mendalami (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Manakala frasa **yang fardu** pula mengandungi makna tersirat, iaitu perkara atau perihal yang berkaitan dengan ilmu agama Islam serta kewajiban yg dituntut oleh agama Islam seperti fardu ain dan juga fardu kifayah. Justeru, penggunaan frasa **menggali yang fardu** ini merupakan frasa yang mengandungi unsur makna kiasan serta memaparkan unsur makna tersirat yang cuba diungkapkan oleh penulis melalui pemilihan frasa tersebut.

Sajak 'Teruskan Bicaramu' pada bait ketiga pula memaparkan unsur makna ambiguiti dalam baris **berkongsi tasbih siang dan malam**. Baris tersebut khususnya dalam frasa **berkongsi tasbih**, memperlihatkan unsur makna yang taksa kerana pembaca mungkin akan berasa kabur terhadap frasa sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis. Secara literal, frasa **berkongsi tasbih** ini bermaksud perbuatan bersekutu atau bersama-sama menggunakan tasbih, iaitu seutas rantai yang diperbuat daripada manik-manik dan lain-lain yang digunakan untuk menghitung doa atau zikir (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Namun demikian, frasa **berkongsi tasbih** ini juga boleh ditafsirkan sebagai sesuatu perbuatan secara lisan mahupun tulisan yang menuju ke arah mendapatkan pahala ataupun saling beribadah antara masyarakat, tidak kira pada waktu siang mahupun malam. Lantaran itu, kehadiran kedua-dua frasa **berkongsi tasbih** dan **menggali yang fardu** yang terdapat dalam kedua-dua sajak ini menggambarkan ciri-ciri makna yang berbeza seperti makna yang taksa dan juga makna yang tersirat. Hal ini sekali gus membuktikan kekuatan gaya penulisan Awang Sariyan dalam memanipulasi frasa-frasa sehingga mampu memberikan makna yang pelbagai.

Aspek semantik turut mengambil kira khalayak sasaran, latar belakang audiens, konteks bahasa yang dikuasai, topik dan fokus bicara serta banyak lagi. Semantik dalam karya secara ringkasnya adalah untuk memahamkan khalayak pembaca menerusi komunikasi bermutu dalam bahasa yang dirasakan sesuai demi mencapai matlamat penyampaian karya. Semantik juga adalah cerapan rasa pengkarya yang autentik dan mempunyai pengertian yang tersendiri yang secara tidak langsung akan menerangkan pengkarya itu sendiri. Za'ba (1950) dalam artikelnya, "*Malay Manners and Etiquette*" menerangkan semantik sebagai kesantunan dalam berbahasa. Hal ini kerana, pemilihan perkataan yang digunakan pengkarya sangat memberi kesan kepada karya yang terhasil. Sementara itu menurut Couper-Kuhlen, E (1986):

".... It wasn't what she said, it was the way she said it. This put a powerful tool into the hand of the speaker. S/he can exploit intonation to communicate meaning which 'objectively' may not be true."

Di samping itu, unsur semantik ini turut terdapat dalam sajak 'kembali fitrah'. Dalam rangkap ketiga, baris kedua, penulis menggunakan kata **rantai** untuk merujuk kepada pengharapan agar rahmat Ramadan terus dekat dengan dirinya. Penulis boleh sahaja menggunakan perkataan lain seperti: menjadi pedoman, suluhan atau panduan. Namun penulis sengaja menggunakan perkataan **rantai** untuk memberikan makna semantik yang lebih. "Rantai" memberikan perlambangan yang lebih kuat, kukuh dan bersungguh-sungguh. Rantai bermaksud merantai atau menambat, membelenggu. Rantai juga adalah frasa yang sesuai digunakan untuk mengikat binatang buas seperti gajah dan lain-lain. Menariknya di sini, penulis merendahkan dirinya dengan menyamakan dirinya atau nafsunya sebagai binatang buas yang memerlukan rantai atau pedoman daripada ramadhan untuk terus memandunya ke jalan yang benar.

Selain itu, contoh penggunaan semantik dapat diperhatikan pada perkataan **al-Furqan** dalam sajak 'Wahai Diri'. **Al-Furqan** adalah nama lain bagi Al-Quran yang bermaksud (makna pada bahasa) pemisah antara hak dan batil. Penulis ingin menekankan kepentingan

al-Quran adalah pemisah antara hak dan batil yang mana peri pentingnya untuk memberi pedoman kepada manusia. Antara nama lain Al-Quran ialah as-syifa' iaitu penyembuh, al-hukum (peraturan yang benar), al-hikmah (kebijaksanaan), al-huda serta banyak lagi. Namun, al-Furqan dipilih kerana memberikan makna yang sangat akrab dengan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis dan memberikan makna yang tersendiri dalam sajak.

2.5 Analisis Prinsip Penelitian kepada Unsur-unsur Bahasa Dramatik

Dramatik bermaksud mempunyai lagak atau gaya yang sesuai untuk drama. Antara cirinya ialah percakapan penuh atau sempurna yang boleh menimbulkan kesan pada jiwa seperti suka, sedih, marah dan sebagainya). Eksploitasi bahasa dari aspek pengaplikasian unsur dramatik sangat memberikan kesan gaya dan keindahan kepada sajak. Antara unsur-unsur tersebut ialah simile, aforisme (peribahasa dan bidalan), stikometri (untuk menegangkan plot) dan sebagainya. Stilistik melihat apakah unsur yang banyak digunakan, unsur yang sesuai dengan karya dan bagaimana unsur tersebut dicerap dalam karya. Kekuatan dan keindahan sesebuah karya sastera banyak bergantung eksplotasi bahasa dari segi penggunaan unsur-unsur dramatik.

Jadual 5 menunjukkan penggunaan bahasa dramatik dalam lapan sajak yang dikaji, iaitu 'Saat Musim Dingin akan Bertamu', 'Permainan Apakah Ini?', 'Mengejar Detik', 'Selamat Datang Tamuku', 'Zikirullah' dan 'Wahai Diri'.

Prinsip Penelitian kepada Unsur-unsur Bahasa Dramatik				
No	Data	Bait	Tajuk Sajak	Nota
1	Malam kian panjang merebut waktu siang dan kesejukan membungkus jasad fajar kian tidak dini merindui mentari	2	Saat Musim Dingin akan Bertamu	Penggunaan unsur personifikasi 'Malam merebut waktu siang'
2	Namun kini hamba bertanya permainan apakah yang kami saksikan kini? Air yang dicencang tampak biar sampai putus	5	Permainan Apakah Ini?	Penggunaan peribahasa 'Air yang dicencang tampak biar sampai putus'
3	Aku sedar akan tangkasnya gerakmu bak kuda yang dipacu laju	1	Mengejar Detik	Penggunaan kata bilangan 'bak'
4	Berbakti usah mengira waktu Laksana pelita terbakar sumbu	6	Selamat Datang Tamuku	Penggunaan gaya bahasa perbandingan 'laksana'
5	Fana daku dalam khusyuk zikir yang tumpah hanya kepada-Mu	1	Zikirullah	Unsur bidalan yang hadir dalam ayat
6	Suri teladan	3	Wahai diri	Penggunaan 'suri teladan'

Jadual (5): Data Analisis bagi Prinsip Bahasa Dramatik

Penerapan prinsip penelitian kepada unsur bahasa dramatik pada contoh pertama dapat dikenal pasti melalui penggunaan unsur personifikasi pada bait kedua sajak tersebut. Menurut definisi yang diberikan oleh *Kamus Puisi* (2005:76), personifikasi merujuk kepada unsur pengorangan yang dikaitkan dengan gaya bahasa yang memberikan keadaan, suasana dan benda yang bersifat manusia. Dalam bait kedua sajak ‘Saat Musim Dingin akan Bertamu’, penyajak memperlihatkan ayat **merebut waktu siang** yang jelas menunjukkan unsur personifikasi. Perbuatan **merebut** yang lazimnya merujuk kepada perbuatan manusia itu digandingkan dengan pelaku **malam** dan malam bukanlah seorang manusia tetapi ia merujuk kepada keadaan waktu. Berdasarkan penerangan tersebut, jelaslah sajak ini menerapkan unsur personifikasi yang juga merujuk kepada penggunaan bahasa dramatik. Justeru, penerapan unsur ini menjadikan sesebuah sajak menarik kerana ia meluaskan imaginasi para pembaca untuk mengaitkan sesebuah situasi dengan unsur alam.

Dalam contoh kedua pula, prinsip penelitian kepada unsur bahasa dramatik dapat dikenal pasti melalui penggunaan peribahasa pada bait kelima dalam sajak tersebut. Peribahasa merupakan sebuah ungkapan ringkas, padat dan terdapat unsur-unsur puitis untuk melahirkan kebenaran, prinsip hidup atau aturan tingkah laku yang wajar (*Kamus Puisi*, 2005:77). Sungguhpun dinyatakan bahawa penulis menggunakan peribahasa dalam sajaknya, beliau melakukan sedikit perubahan terhadap peribahasa tersebut iaitu, **air yang dicencang tampak biar sampai putus** daripada peribahasa asal yang berbunyi, air yang dicencang takkan putus. Pada awalnya, berdasarkan definisi peribahasa yang telah dinyatakan, peribahasa memperlihatkan unsur-unsur puitis dalam suatu karya ataupun penulisan. Hal tersebut sudah pun menjadikan sajak ‘Permainan Apakah Ini’ sebagai sebuah sajak yang menarik. Namun, keindahan sajak tersebut ditambah lagi melalui perubahan yang dilakukan oleh penulis pada peribahasa yang diterapkan. Hal ini jelas memperlihatkan kekreatifan penulis dalam mempelbagaikan cara penyampaiannya dan sudah pasti menambahkan lagi suasana dan keindahan yang terdapat dalam karyanya.

Gaya bahasa yang dramatik ini dapat juga dilihat dalam puisi yang bertajuk ‘Mengejar detik’. Ayat pada rangkap pertama “Aku sedar akan tangkasnya gerakmu, **bak** kuda yang dipacu laju”. Penggunaan perkataan **bakitu** memberi makna penulis memberi ibarat bahawa masa yang berlalu terlalu pantas seperti kuda yang dipacu laju. Sebagai manusia di muka bumi ini kita harus mengejar masa dan menggunakan masa yang ada dengan sebaiknya agar tidak kecewa. Ini kerana masa yang berlalu tidak akan berulang lagi dan tidak mungkin dapat diperolehi lagi. Penggunaan kuda sebagai perbandingan kerana kuda sejenis binatang yang tangkas dan bergerak laju. Oleh itu, manusia jangan leka dan membuang masa kerana masa berlalu dengan cepat tanpa menunggu sesiapa.

Dalam puisi yang bertajuk ‘Selamat Datang Tamuku’ penggunaan gaya bahasa perbandingan seperti **laksana** menjadikan karya ini indah. Puisi ini membawa maksud supaya manusia berbuat kebajikan dan melaksanakan tanggungjawab yang telah termeterai di alam roh dahulu. Meskipun terpaksa berkorban **laksana** pelita terbakar sumbu demi memberi cahaya kepada insan lain kita sebagai insan pilihan Allah hendaklah berusaha memelihara perhubungan dengan Allah dan insan lain.

Bait pertama dalam sajak 'Zikrullah' pula memperlihatkan penggunaan unsur bidalan pada frasa **zikir yang tumpah hanya kepada-Mu**. Unsur bahasa dramatik yang memperlihatkan penggunaan bidalan ini juga merupakan salah satu gaya penulisan Awang Sariyan dalam memberikan nasihat dan peringatan kepada pembaca. Penggunaan pelbagai unsur bahasa dramatik seperti personifikasi dan bidalan dalam kedua-dua puisi ini memperlihatkan kekuatan dan kesegaran penulis terhadap karya yang dihasilkan. Hal ini turut disokong oleh Tarigan (1985) yang menyatakan bahawa unsur puitika atau bahasa dramatik itu sendiri merupakan suatu cara untuk mengungkapkan pemikiran penulis melalui bahasa secara khas yang memperlihatkan jiwa dan keperibadian penyajak.

Dalam sajak, unsur-unsur bahasa dramatis dapat dilihat pada sajak 'wahai diri'. Pada rangkap ketiga, penulis menggunakan frasa **suri teladan** untuk merujuk kepada para nabi, anbia dan para kekasih Allah yang diceritakan untuk menjadi pedoman dan insan yang baik untuk diteladani. Frasa **suri teladan** mempunyai konotasi yang puitis dan terdengar dramatis. **Suri** memberi makna lembut, berhemah dan suci dan secara normanya dekat dengan ibu dan wanita yang mempunyai hati yang lembut dan sensitif. Pemilihan perkataan ini puitis dan dramatis kerana memberikan kesan emosi seperti sayu dan gembira dengan penghargaan yang tinggi kepada perilaku dan akhlak mereka yang baik. Penulis cuba untuk memberi sentuhan emosi yang lembut dan suci kepada para nabi dan anbia yang menggunakan akhlak yang terpuji dan sifat lemah lembut dalam berdakwah tanpa menggunakan kekerasan.

Selain itu, penulis banyak menggunakan perkataan bahasa arab untuk memberikan kesan emosi dan pemaknaan yang lebih telus. Sebagaimana yang diketahui, bahasa Arab mempunyai sistem pemaknaan dan rangka tatabahasa yang sangat teliti dan sempurna. Setiap patah huruf dan perkataannya akan memberikan makna yang memperjelaskan sudut yang besar dan luas. Penulis banyak menggunakan bahasa Arab untuk menimbulkan kesan tunduk, perhambaan, keilmuan dan rasa indahnyanya hidup bersyariat. Hampir semua sajak penulis menggunakan bahasa Arab untuk merujuk kepada mesej yang ingin disampaikan. Antaranya merafak, roh, haribaan, sarwa alam dan banyak lagi

2.6 Prinsip Gaya Individualisme

Prinsip gaya individualisme ini lebih merujuk kepada gaya penulisan peribadi seseorang penulis. Setiap penulis sudah pasti memiliki cara tersendiri dalam menyampaikan karya dengan berkesan. Berdasarkan pandangan Umar Junus (1989:21), individualisme dikaitkan dengan gaya sebagai serangkaian ciri peribadi yang dilihat melalui pemakaian bahasa seseorang. Tambahan beliau lagi, gaya individualisme dengan mudah dapat dikenal pasti dengan menunjukkan satu karya penulis itu dan berkata bahawa ini adalah gaya penulis itu sendiri, yang mungkin juga diertikan tidak dipunyai oleh penulis lain.

Jadual 6 memperlihatkan contoh-contoh daripada sajak-sajak yang menerapkan prinsip gaya individualisme. Prinsip ini lebih merujuk kepada gaya peribadi sesebuah penulis melalui cara penyampaian dan penulisannya. Antara sajak yang menjelaskan gaya individualisme penulis ialah, 'Kalau memang mahu', 'kembara', 'perjalanan' dan 'Berpada-padalah'.

Prinsip Gaya Individualisme				
No	Data	Bait	Tajuk Sajak	Nota
1	<p>Kalau memang mahu dulu kita bisa mengekalkan Tanah Melayu.</p> <p>Kalau memang mahu dulu kita bisa beraliran pendidikan yang satu.</p> <p>Kalau memang mahu dulu kita bisa memaktubkan perlembagaan berdasarkan wahyu.</p>	1 - 3	Kalau Memang Mahu	Perulangan ayat 'Kalau memang mahu' pada setiap permulaan bait sajak
2	<p>Ya Rabb kupohon barakah bagi sisa kembaraku kupohon rahmah bagi baki perjalananku lorongkanlah inayah pancarkanlah hidayah ...</p>	3	Kembara	Penggunaan kata-kata bahasa Arab seperti 'Rabb, barakah, rahmah, inayah dan hidayah'
3	<p>Semoga maghfirah-Mu Semoga mardhiyyah-Mu Semoga hidayah-Mu Semoga barakah-Mu Menaungi perjalananku Ya, Ilahi Ya, Rabbi</p>	5	Perjalanan	Penggunaan perkataan Arab seperti 'maghfirah, mardhiyyah, hidayah, barakah, Ilahi, Rabbi'
4	<p>Berpada-padalah Berpada-padalah betapa besar citamu akan kuasa tetaplah tiada upaya tuan hamba menaklukkan alam semesta.</p> <p>Berpada-padalah betapa besar citamu akan harta tetaplah tiada upaya tuan hamba memiliki sekalian isi buana.</p> <p>Berpada-padalah betapa besar citamu akan sekalian permata hati tetaplah tiada upaya tuan hamba</p>	1-4	Berpada-padalah	Unsur perulangan baris pertama dalam setiap bait

<p>kekal dikasihi membawa mereka bersama di kediaman yang sepi.</p> <p>Berpada-padalah betapa besar citamu akan puja dan puji tetaplah tiada upaya tuan hamba berperi sekalian itu belum pasti dikira bakti.</p>			
---	--	--	--

Jadual (6): Data Analisis bagi Prinsip Gaya Individualisme

Berdasarkan takrifan yang telah diberikan, prinsip gaya individualisme dalam contoh sajak pertama dapat dilihat pada pengulangan ayat. Setelah diteliti sajak ‘Kalau Memang Mahu’, setiap bait sajak tersebut akan dimulakan dengan ayat **kalau memang mahupada** baris pertama. Kekekapan perulangan ayat ini mampu dinyatakan sebagai gaya individualisme penulis kerana mungkin beliau ingin menerapkan unsur penekanan tentang mesej yang ingin disampaikan. Unsur perulangan baris pertama bagi setiap bait juga merupakan salah satu gaya peribadi atau gaya individualisme Awang Sariyan. Penggunaan unsur perulangan ini menunjukkan gaya penulisannya selain daripada memperlihatkan penegasan dan peringatan penyajak kepada pembaca tentang nasihat atau isi kandungan sajak yang ingin diketengahkan buat renungan pembaca.

Selain itu, kebanyakan sajak dalam Kumpulan Puisi Mencaribanyak menggunakan perulangan tajuk di awal baris setiap rangkap. Ini dapat dilihat dalam puisi bertajuk ‘Betapatah tidak’ yang diulang sebanyak 5 kali, ‘Apabila Bila-bila’ yang diulang sebanyak 10 kali, ‘Berpada-padalah’ diulang sebanyak 8 kali dan ‘kalau hanya’ pula diulang sebanyak 9 kali. Selain itu, terdapat banyak perulangan ayat dalam setiap baris puisi ini iaitu ‘maaf hamba bertanya’ yang diulang sebanyak 4 kali, ‘Aduhai Desaku’ sebanyak 3 kali, ‘Wahai Teman’ sebanyak 6 kali, ‘selamanya aku tidak mengerti’ diulang sebanyak 7 kali, ‘Usahlah tuan hamba mengira’ diulang sebanyak 10 kali, ‘Maka bicaralah sang pragmatis’ diulang sebanyak 4 kali dan banyak lagi.

Dalam contoh sajak yang kedua pula, gaya individualisme penulis dapat dikenal pasti melalui penggunaan kata pinjaman bahasa Arab seperti yang terdapat dalam sajak ‘Kembaraku’. Antara kata-kata bahasa Arab yang digunakan ialah kata, **Rabb, barakah, rahmah, inayah** dan **hidayah**. Hal ini dinyatakan sebagai gaya individualisme kerana penulis mempunyai pilihan untuk menggunakan bahasa Melayu contohnya seperti Tuhan bagi perkataan **Rabb**. Namun, penulis tetap memilih untuk menggunakan kata-kata bahasa Arab dalam sajaknya. Hal ini kerana penulis ingin menimbulkan situasi keinsafan dalam sajaknya memandangkan tema sajak ‘Kembaraku’ lebih memperlihatkan unsur-unsur penyerahan diri kepada Allah s.w.t. Berdasarkan penggantian kata-kata bahasa Arab ini, dapat dinyatakan bahawa ia merupakan salah satu daripada gaya individualisme penulis yang dapat dikenal pasti. Tambahan lagi, penggunaan bahasa Arab tersebut ternyata lebih memberikan kesan terhadap khalayak terutama dalam karya-karya yang mengandungi unsur keagamaan.

Selain itu, sajak beliau yang turut ada terselit istilah bahasa Arab ialah bertajuk ‘Perjalanan’ dalam rangkap terakhir, **maghfirah**-Mu, **mardhiyyah**-Mu, **hidayah**-Mu, **barakah**-Mu, **Ilahi**, **Rabbi**. Penggunaan bahasa Arab ini bertitik-tolak juga bahawa puisi-puisi yang dihasilkan beliau merupakan puisi yang berbentuk Islamik dan Al-Quran juga menggunakan bahasa Arab. Oleh itu, penghasilan puisi ini banyak dipengaruhi Surah dalam Al-Quran dan ini diakui oleh Ahmad Kamal Abdullah.

“Saya juga mendapati dalam pengucapan atau ekspresinya, Awang Sariyan banyak dipengaruhi oleh lenggang dan perulangan al-Quran, terutamanya perulangan dalam Surah al-Rahman sebagai satu teknik pengucapan klasik Melayu”.

(Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri, 2012: xxii)

Konsep ini menerangkan bahawa setiap penulis mempunyai gaya autentik yang tersendiri. Gaya ini akan terungkap melalui pemilihan kata, gabungan aksara yang digunakan, dan susunan bentuk sajak yang dibentuk. Individualisme ini boleh dilakukan terhadap beberapa karya dari pengarang yang berbeza untuk mengenalpasti peribadi penulis dari sudut perbezaan dan persamaan. Penulis Awang Sariyan lazim menggunakan bahasa yang mudah difahami. Pandangan alam masing-masing akan melahirkan perspektif yang berbeza antara penulis (Faisal Tehrani, 2012: viii). Penulis juga banyak menggunakan perkataan bahasa Arab. Paling dominan, penulis melakukan pengulangan baris ayat pada setiap rangkap secara kerap untuk menimbulkan kesan estetik sekaligus memberi kefahaman yang mendalam terhadap pembaca.

3.0 KESIMPULAN

Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri menghimpunkan 55 buah puisi karya Awang Sariyan, tokoh bahasa dan persuratan Melayu di peringkat serantau dan antarabangsa. *Mencari Makna Diri* lahir sebagai wadah kreatif sastera kembara penyair Awang Sariyan menata jati diri dan kehidupan berlandaskan ilmu dan ketuhanan seperti siratan makna yang terpancar melalui puisi-puisinya. *Mencari Makna Diri* lahir di tengah-tengah masyarakat Malaysia, justeru penulis melalui sajaknya memohon khalayak merenungkan hakikat sebenar “mencari makna diri”. Ungkapan ini sering dijalin penulis dalam sajak yang terkandung dalam buku ini.

Berdasarkan 28 buah sajak yang dikaji dengan menggunakan prinsip stilistik J.J Webber iaitu penggunaan bunyi atau fonologi, penggunaan perkataan, diksi atau leksikal, penilaian terhadap pembentukan ayat atau struktur sintaksis, kajian terhadap makna, unsur-unsur bahasa dramatik dan gaya individualisme ternyata keenam-enam prinsip ini terdapat dalam *Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri* karya Awang Sariyan. Kehadiran prinsip stilistik ini telah memberi kesan keindahan dan keberkesanan terhadap mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang selaras dengan takrif karya sastera itu sendiri iaitu indah dan bermanfaat.

Selain itu, kepekaan Awang Sariyan terhadap peristiwa yang berlaku sama ada dalam negara atau luar negara yang berkait rapat dengan isu seperti bahasa Melayu, masyarakat

Islam di seluruh dunia, kepentingan warisan tulisan jawi dan kesedaran terhadap tanggungjawab untuk kembali kepada akar pengucapan puisi Melayu yang kaya dengan bunyi yang muzikal turut terserlah melalui sajak yang terkandung dalam buku ini. Selain penulisan sajak yang terhasil hasil renungan penulis berdasarkan realiti Malaysia, sajak-sajak yang dihasilkan dalam *Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri* juga hasil renungan dan pengalaman penulis ketika melawat atau mengembara ke luar negara seperti negara-negara China yang hanya minoriti masyarakat Islam.

Tuntasnya, *Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri* karya Awang Sariyan merupakan sebuah karya sastra yang sarat dengan gaya estetik yang tersendiri bagi menimbulkan keindahan terhadap karya serta mampu menyampaikan mesej yang jelas kepada khalayak. Justeru, *Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri* ini merupakan sebuah karya sastra yang tinggi nilainya dengan gaya bahasa yang indah dan tersendiri berdasarkan 6 prinsip stilistik J.J Webber.

4.0 BIBLIOGRAFI

- Awang Sariyan.(2012). *Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal Tehrani. (2012). *Sinema Spiritual, dramaturgi dan kritikan*. Ampang: Buku Harakah.
- Jean. J Webber. (1995). *The Stylistics Reader*. United State: Routledge.
- Kamus Puisi*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*.(2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Khairuddin Mohamed, Maridah Alias dan Faiziah Hj. Shamsudin. (2012). *Bahasa Melayu Komunikatif*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Muhammad Haji Salleh.(2005). *Pengalaman Puisi Sasterwan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah A. Hamid & Jumaah Ilias.(2006). *Pandangan Semesta Melayu, Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tarigan, H. G. (1985). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa Bandung.
- Tengku Intan Marlina.(2009). *Semiotik Peirce, Penandaan dan Pemaknaan*. Kuala Lumpur: Quest Ahead Sdn. Bhd.
- Wan Akmal Wan Semara.(2005). *Unsur Puitika dalam Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.